

15 MAR 2000

Razaleigh-Umno

KU LI PUAS HATI DENGAN PERJALANAN MESYUARAT BAHAGIAN UMNO

KOTA BAHARU, 15 Mac (Bernama) -- Ketua Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah berpuashati dengan perjalanan mesyuarat perwakilan Umno bahagian di seluruh negara yang sedang berlangsung sekarang.

"Saya tetap berpuas hatilah, kalau kata tak puas hati dia orang kata macam mana pula," katanya kepada pemberita sejurus tiba dari Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa di sini, hari ini.

Ditanya mengenai dakwaan Tan Sri Muhyiddin Yassin bahawa terdapat usaha pihak tertentu untuk menyekat pencalonannya (Muhyiddin) bagi jawatan Naib Presiden Umno, Tengku Razaleigh berkata: "Kata dia nak lapor kepada presiden parti. Kita dengarlah apa dia nak lapor, saya sendiri tak tahu".

Semalam, Muhyiddin berkata beliau akan bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok bagi menyampaikan maklumat mengenai usaha untuk menyekatnya daripada bertanding pada pemilihan parti Mei ini.

Tengku Razaleigh juga berkata setakat ini beliau tidak tahu sama ada turut berlaku sebarang halangan untuk mencalonkannya.

Beliau enggan mengulas lanjut berhubung pencalonan tunggal oleh Umno Bahagian Tanah Merah yang mencalonkannya bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, minggu lepas.

"Saya tidak ada apa-apa pendirian. Saya dah buat kenyataan dah, itulah dia," katanya.

Berhubung saranan beberapa pemimpin dan anggota Umno yang memintanya supaya mengeluarkan kenyataan rasmi segera bagi menyatakan kesediaan untuk bertanding jawatan Naib Presiden Umno, supaya membolehkan banyak bahagian yang belum bermesyuarat mencalonkannya, Tengku Razaleigh tetap beralih.

Tengku Razaleigh berkata keputusan bahagian Gua Musang yang diketuainya akan hanya diketahui pada hari mesyuarat bahagian pada 31 Mac ini dan terpulang kepada perwakilan bahagian itu untuk membuat keputusan.

Beliau juga enggan mengulas mengenai kebimbangan sesetengah pihak bahawa kemungkinan berlaku perpecahan dalam parti sekiranya berlaku pertandingan bagi dua jawatan tertinggi parti.

"Ini macam-macam pendapatlah. Pendapat saya tak penting," katanya.

Tengku Razaleigh pulang ke Kelantan bagi menyambut Aidiladha dan akan mengadakan rumah terbuka esok dari pukul 9 pagi hingga 4 petang di kediamannya di Palm Manor, di sini.

-- BERNAMA

RAR BD PR